



## KENYATAAN MEDIA

25 Februari 2026

### CIJ Mengecam SLAPP Terhadap Media oleh Bestinet

*Centre for Independent Journalism* (CIJ) mengecam tindakan Bestinet Sdn. Bhd. yang memfailkan saman terhadap 10 organisasi media dan individu berkaitan laporan Bloomberg bertajuk “*Everyone gets a cut, and migrant workers pay the price*”. Laporan tersebut mendakwa bahawa migran dari Bangladesh terpaksa meminjam sejumlah wang yang besar untuk membayar “yuran sindiket” bagi bekerja di Malaysia, yang dikaitkan dengan Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing (FWCMS) yang dibangunkan oleh Bestinet dan digunakan oleh Malaysia sejak tahun 2015.

Tindakan yang diambil oleh Bestinet mempunyai elemen jelas litigasi strategik terhadap penyertaan awam (SLAPP), di mana saman dengan tuntutan ganti rugi yang tidak seimbang serta injunksi ex-parte digunakan untuk mencegah wartawan dan pengamal media dalam menjalankan tanggungjawab mereka dalam melaporkan isu berkepentingan awam. Tindakan terhadap media sebagai tonggak keempat demokrasi ini, mewujudkan suasana intimidasi dan kesan menakutkan terhadap pelaporan kepentingan awam.

SLAPP bertujuan membebankan organisasi media dengan kos guaman yang tinggi dan proses perundangan yang rumit, sekali gus memberi kesan menakutkan terhadap kewartawanan penyiasatan dan penelitian awam. Walaupun tuntutan tersebut mungkin tidak berjaya di mahkamah, ancaman tindakan undang-undang itu sendiri boleh mendorong penapisan undang-undang dan penapisan sendiri, bertentangan dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan bersuara dan seterusnya kebebasan media.

Sehubungan itu, kami memuji keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonan Bestinet untuk mendapatkan injunksi perintah larangan bersuara terhadap media, memandangkan kepentingan awam dalam isu ini, selaras dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan serta piawaian antarabangsa dari segi keperluan, legitimasi dan perkadaran. Kami terus menggesa pihak berkuasa untuk mematuhi piawaian ini dan memastikan sebarang sekatan terhadap kebebasan bersuara hanya dibuat dengan bukti kemudaratan yang jelas serta demi kepentingan awam.

Dalam menangani SLAPP, khususnya terhadap media, kerajaan Malaysia perlu mewujudkan garis panduan perundangan yang jelas bagi mencegah penyalahgunaan kuasa oleh entiti yang mempunyai kuasa tidak seimbang, serta melindungi kebebasan bersuara selaras dengan piawaian antarabangsa. Mekanisme anti-SLAPP yang jelas mesti diwujudkan bagi membolehkan penolakan awal terhadap saman yang difailkan semata-mata untuk menyekat ucapan atau pelaporan berkepentingan awam.

Kami juga menggesa agar segala aduan terhadap media disalurkan kepada Majlis Media Malaysia. Jika Bestinet Sdn Bhd berpendapat bahawa laporan media adalah tidak tepat atau tidak beretika, proses melalui Majlis Media mungkin lebih pantas dan kurang bersifat adversarial berbanding saman bernilai RM1 bilion. Ia juga akan menunjukkan bahawa syarikat tersebut komited untuk memperbetulkan fakta, bukannya menghukum pihak media.

Dalam sebuah masyarakat progresif, litigasi strategik harus menjadi pilihan terakhir, terutamanya dengan adanya institusi yang berperanan sebagai pengantara antara orang awam dan media. Sifat pelbagai pemegang taruh dalam institusi tersebut membolehkan keputusan dibuat selaras dengan prinsip demokrasi dan pendekatan konsultatif.

Kami berharap pendekatan seluruh masyarakat dapat diambil dalam mempertahankan wartawan dan pengamal media dalam menjalankan peranan mereka melaporkan isu berkepentingan awam sebagai sebahagian daripada usaha mempertahankan kebebasan bersuara di Malaysia.

**25 Februari 2026**

**Wathshlah G. Naidu**  
**Pengarah Eksekutif CIJ**

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Lim Jih-Ming di [comms@cijmalaysia.net](mailto:comms@cijmalaysia.net).

*Centre for Independent Journalism adalah pertubuhan bukan kerajaan yang memegang aspirasi sebuah masyarakat demokratik, adil dan bebas bagi membolehkan orang awam menikmati media bebas di samping kebebasan untuk bersuara, mencari, dan mendapatkan maklumat.*